

09 NOV 2000

SIDANG DEWAN RAKYAT BERAKHIR 14 DISEMBER

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat akan berakhir pada 14 Dis ini dan bukannya pada 20 Dis seperti yang dijadualkan, Speaker Tun Mohamed Zahir Ismail berkata hari ini.

Katanya keputusan itu dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku ketua majlis mesyuarat.

"Sesi bagi soalan lisan yang dijadualkan pada 22 Nov hingga 28 Nov ini akan disusun semula," kata Mohamed Zahir di Dewan Rakyat.

Beliau berkata keputusan ini dibuat bagi membolehkan umat Islam menyambut Hari Raya Puasa pada penghujung Disember.

-- BERNAMA

SSA RV MAI